

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN REKABENTUK MALAYSIA
'96, PELANCARAN 'MALAYSIA GOOD DESIGN MARK' DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH
PEREKA MUDA MALAYSIA '96

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 OCT 1996

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Rekabentuk Malaysia '96 dan melancarkan 'Malaysia Good Design Mark' serta menyampaikan Anugerah Pereka Muda Malaysia hari ini. Persidangan yang pertama kalinya diadakan di peringkat nasional ini akan dapat menggalak dan mempertingkatkan usaha-usaha rekabentuk di Malaysia. Ianya juga tepat pada masanya kerana negara kita sedang menuju ke arah sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020.

2. Persidangan yang bertemakan 'Rekabentuk Penggerak Perindustrian' ini berjaya menyatukan pihak industri, para pereka, para usahawan dan pihak pendidik dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat terhadap pentingnya peranan rekabentuk di samping mengkaji peranan pihak-pihak yang terlibat dalam meningkatkan kualiti rekabentuk dalam pengeluaran produk dan melahirkan pereka yang dapat memenuhi keperluan pihak industri dan masyarakat secara khusus. Pelancaran 'Malaysia Good Design Mark' pula merupakan satu lagi langkah yang mencabar profesionalisma para pereka bentuk dan pihak industri dalam memenuhi standard rekabentuk Malaysia dan melihat sejauh mana keupayaan Malaysia dalam menghasilkan rekabentuk berkualiti serta berdaya saing. Saya juga difahamkan, Anugerah Pereka Muda Malaysia '96 merupakan yang pertama diadakan dalam usaha mengiktiraf keupayaan merekabentuk oleh para pereka tempatan.

3. Sejak Malaysia memasuki bidang perindustrian pergantungan ekonomi kita pada sektor komoditi beralih cepat kepada sektor pengeluaran barangan buatan untuk pasaran tempatan dan eksport. Bagaimanapun untuk terus kekal dalam pasaran dan meningkatkan kedudukan Malaysia di pasaran antarabangsa, kita perlu perluas dan bangunkan keupayaan kita seperti dalam teknologi pembuatan, pemasaran, rekacipta dan rekabentuk. Kesedaran pihak industri dan institusi pendidikan sekarang

terhadap pentingnya rekabentuk akan membantu mempercepatkan proses pencapaian kita. Ini ialah kerana rekabentuk produk memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan kegemaran kepada produk dalam pasaran dalam dan luar negara. Jika kita perhatikan semua produk yang dipasarkan bukan sahaja meningkat daripada segi teknologi dan kualiti, tetapi bentuk juga bertukar, kadang-kadang pada tiap-tiap tahun. Bagi produk yang lebih kurang sama daripada segi teknologi, kualiti dan harga, rekabentuk menentukan penerimaan dan populariti dalam pasaran.

4. Justeru itu, penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan rekabentuk perlu dibuat dengan sewajarnya oleh pihak industri dan institusi penyelidikan dan pendidikan supaya kita dapat menghasilkan rekabentuk produk tempatan yang bermutu.

5. Rekabentuk sesuatu produk mempunyai aliran atau trend tertentu. Trend ini kadang-kadang berubah hampir tiap-tiap tahun. Mungkin juga kita boleh mencipta rekabentuk kita yang tersendiri yang berlainan daripada trend semasa. Tetapi ini mempunyai risikonya, melainkan jika kita sudah jadi 'market leader' yang dapat 'set the trend'. Hari ini negara kita masih dalam fasa awal dan belum ada produk yang kita keluarkan diterima sebagai 'market leader'. Justeru itu, amatlah penting kita kaji trend rekabentuk untuk produk yang kita keluarkan, terutama jika kita ingin mengeksport produk ini ke pasaran dunia.

6. Ini tidak bermakna kita tidak dapat mengadakan identiti kita sendiri. Kita boleh memperkenalkan identiti kita dengan jenama dan ciri tertentu yang membezakan sedikit rupa bentuk kita daripada yang lain. Tetapi jika perbezaan ini terlalu radikal, pasaran terutama pasaran antarabangsa mungkin sukar menerimanya. Pereka mestilah sedar akan aliran dalam pasaran dunia semasa mencipta rekabentuk produk kita.

7. Rekabentuk tidak harus terhad kepada produk semata-mata. Bagi sesetengah produk rekabentuk bungkusan juga perlu menarik. Harus diingat bahawa bungkusan adalah item pertama yang menarik perhatian pembeli. Untuk barangan mewah seperti pen dan jam, bungkusan yang tinggi mutunya, walaupun mahal, akan menjadi amat menarik, terutama jika barangan berkenaan sesuai untuk hadiah.

8. Produk dari Malaysia tidak harus terhad kepada barangan yang dibuat daripada bahan-bahan tempatan seperti getah, kayu atau timah. Kita harus mampu mengimport bahan mentah dari luar negeri untuk

diproses menjadi barang pengguna (consumer goods) bagi kegunaan dalam negeri dan lebih penting daripada itu untuk dieksport secara besar-besaran. Negara Jepun yang miskin daripada segi sumber alam berjaya menjadi pengeluar dan pengeksporth yang besar dengan mengimport bahan-bahan tertentu, menambahkan nilai dengan memproses bahan-bahan tersebut menjadi barangan buatan dan mengeksportkannya. Kita tahu bagaimana Jepun menjadi negara maju melalui eksport barangan buatan yang begitu tinggi nilai ditambahnya.

9. Barangan buatan Jepun pada mulanya terkenal kerana murah, tetapi berkualiti rendah. Tetapi mereka telah mengubah strategi untuk mengeluarkan barangan yang tinggi mutunya dan mempunyai rekabentuk yang amat menarik, iaitu sesuai dengan selera pembeli di pasaran-pasaran tertentu. Mereka tidak mengutamakan selera mereka sendiri untuk barangan eksport. Kejayaan pendekatan Jepun ini jelas dilihat.

10. Seperti dengan negara Jepun, Malaysia bergantung kepada eksport untuk menjayakan ekonominya. Pasaran dalam negeri adalah terlalu kecil untuk membantu pembangunan ekonomi negara ini. Justeru itu, kita perlu mengambil kira selera pasaran luar jika kita ingin eksport untuk membantu pertumbuhan ekonomi kita. Pasaran dunia yang terbesar terdapat di Eropah dan Amerika Utara. Dan pasaran-pasaran ini amat sensitif terhadap rekabentuk produk. Jika rekabentuk tidak menarik mereka akan menolak barangan berkenaan walaupun harganya murah dan kualitinya baik. Bahawa kita mampu mengeluarkan barangan yang berkualiti tinggi yang mudah diterima oleh pasaran luar adalah jelas daripada begitu banyak barangan dengan jenama terkenal yang dibuat di Malaysia yang dijual di Eropah dan Amerika.

11. Di sini jelaslah betapa pentingnya kita mengikuti aliran atau trend rekabentuk di pasaran-pasaran berkenaan. Institusi-institusi latihan, badan-badan yang terlibat dengan rekabentuk, dengan penentuan standard, penyelidikan dan pembangunan seperti NATIONAL CAD/CAM CENTRE, SIRIM RAPID PROTOTYPING SERVICE dan Persatuan Senireka Perindustrian Malaysia (MIDS) perlu sedar akan hakikat ini, perlu menyelidik dan mendapat maklumat tentang trend rekabentuk yang terkini dan perlu menyampaikan maklumat yang diperlukan oleh pereka kita dan industri kita. Dengan itu baharulah dapat kita menjamin penerimaan barangan buatan kita di pasaran dunia.

12. Kita juga perlu ingat bahawa rekabentuk banyak bergantung kepada apresiasi atau kebolehan menilai

kecantikan atau keindahan. Aprisiasi kecantikan atau keindahan mungkin sifat yang semulajadi bagi sesetengah daripada kita. Tetapi kebolehan menilai sesuatu, sama ada kecantikan, keindahan, kesedapan atau kelazatan makanan atau bunyi-bunyian boleh dipupuk melalui didikan. Seperti juga dengan ilmu lain, pempukan aprisiasi sesuatu mungkin mengambil masa, tetapi lama-kelamaan seseorang boleh mengenal dan menilai tahap kecantikan atau keindahan sesuatu.

13. Yang menjadi masalah ialah aprisiasi ini berbeza mengikut budaya sesuatu bangsa. Kadang-kadang apa yang dianggap cantik oleh satu bangsa dianggap hodoh oleh bangsa lain. Ini menjadi masalah kepada pereka rekabentuk apabila cuba melayan selera bangsa-bangsa tertentu. Demikian sementara warna-warna yang keras dan tua disukai oleh satu bangsa, bangsa yang lain pula lebih suka warna-warna yang lembut. Pereka rekabentuk harus tahu dan faham selera pasaran dimana produk yang berkenaan hendak dipasarkan. Jika selera budaya tertentu tidak diambil berat maka rekabentuk mungkin tidak menarik dan pemasaran akan gagal.

14. Perwujudan 'Malaysia Good Design Mark' saya percaya akan menolong menaikkan kualiti rekabentuk kita. Demikian juga 'Anugerah Pereka Muda Malaysia '96' akan menggalakkan kefahaman dan prestasi rekabentuk di kalangan pereka kita. Saya yakin dengan usaha-usaha ini kita akan berjaya mengeluarkan barangan yang mempunyai rekabentuk yang akan diterima oleh semua pasaran di dunia.

15. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Rekabentuk Malaysia 1996.